

LAMPIRAN

PERTANDINGAN FUTSAL LELAKI DAN WANITA JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN SARAWAK PIALA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK (SUPS) ANJURAN JAWATANKUASA GABUNGAN JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN KUCHING

PENGANJUR

Pertandingan ini akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Penganjur Pertandingan FUTSAL Piala SUPS Gabungan Jabatan Persekutuan Kompleks Persekutuan Kuching.

OBJEKTIF

Diantara objektif utama pertandingan ini diadakan adalah seperti berikut:

1. Untuk mengeratkan perhubungan diantara Pegawai dan Kakitangan Persekutuan Negeri Sarawak.
2. Untuk mengeratkan hubungan dan menggalakkan pegawai dan kakitangan di Jabatan dan Agensi Persekutuan Negeri Sarawak bersukan dan beriadah disamping menjalankan tugas harian.
3. Mengadakan salah satu aktiviti sukan dan rekreasi di kalangan Jabatan dan Agensi Persekutuan di Negeri Sarawak.
4. Sebagai salah satu medium mengenali pegawai dan kakitangan jabatan lain.

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

1. NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Futsal Lelaki dan Wanita Jabatan dan Agensi Persekutuan Sarawak Piala Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) Anjuran Gabungan Jabatan Persekutuan Kompleks Persekutuan Kuching.

2. TEMPAT / TARIKH / MASA

Semua pertandingan akan diadakan di padang Futsal Sport Planet, Kuching. Tarikh pertandingan akan diadakan pada 10 Disember 2011 (Sabtu) sehingga 11 Disember 2011 (Ahad). Sekiranya terdapat sebarang perubahan akan diberitahu dari masa ke semasa. Masa pertandingan akan bermula pada jam 09.00 pagi dan berakhir pada jam 6.00 petang.

3. HADIAH

Kategori Lelaki:

Hadiah adalah berupa piala pusingan, piala iringan dan trofi individu untuk Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat.

Kategori Wanita:

Hadiah adalah berupa piala pusingan, piala iringan dan trofi individu untuk Johan, Naib Johan, Ketiga dan Keempat.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Hanya Lima Puluh (50) Pasukan Lelaki dan Dua Puluh (20) Pasukan wanita yang menghantar penyertaan awal akan diterima untuk menyertai pertandingan ini.
- 4.2 Setiap Jabatan dibenarkan menghantar dua (2) pasukan sahaja.
- 4.3 Setiap pasukan dibenar mendaftar sepuluh (10) pemain termasuk pengurus pasukan dan jurulatih yang boleh bermain untuk pasukan masing-masing.
- 4.4 Pengurus pasukan mesti terdiri daripada Pegawai Gred 41 ke atas (untuk pasukan lelaki sahaja)

4.5 Pecahan pemain mengikut kategori yang WAJIB berada di padang sepanjang permainan:

Pasukan Lelaki:

- a) Pemain Pegawai Gred 41 Keatas - 1 Orang
- b) Pemain Veteran Berumur 40 Tahun Keatas - 1 Orang
- c) Pemain terbuka - 3 Orang

Pasukan Wanita:

- a) Pemain terbuka - 5 Orang

4.6 Pemain-pemain yang didaftar di dalam sesebuah pasukan hendaklah mewakili jabatan masing-masing dan hanya bermain dalam satu pasukan sahaja. Tetapi bagi pasukan yang kekurangan pemain dalam kategori Pegawai Gred 41 ke atas dan veteran, maka setiap pasukan dibenarkan mengambil pemain dari jabatan lain.

4.7 Borang penyertaan yang siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan setiap pemain dan Pas Pekerja (jika ada) serta Surat Pengesahan Ketua Jabatan untuk pengesahan pendaftaran.

4.8 Pemain veteran adalah yang lahir pada tahun 1971 atau sebelum tahun berkenaan.

4.9 Borang penyertaan hendaklah dihantar ke Pejabat SPA Malaysia Cawangan Sarawak, Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga atau Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Tingkat 3 & 17 Bangunan Sultan Iskandar, Kuching.

4.10 Tarikh tutup penyertaan ialah pada 5 Disember 2011 (Isnin) jam 5.00 petang.

5. YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan bagi semua kategori adalah sebanyak RM180.00 bagi setiap pasukan dan hendaklah dibayar secara TUNAI semasa menghantar Borang Penyertaan.

6. SYARAT PENYERTAAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

6.1 Setiap pemain hendaklah MEWAKILI Jabatan masing-masing.

6.2 Bagi Jabatan yang kekurangan pemain bagi Kategori Pegawai Gred 41 ke atas atau Veteran sahaja adalah dibenarkan mengambil pemain dari jabatan lain.

6.3 Pegawai dan Kakitangan yang bertaraf tetap, kontrak dan pekerja sambilan harian sahaja dibenarkan bermain untuk jabatan masing-masing.

7. SISTEM / FORMAT PERTANDINGAN

Sistem / Format pertandingan akan diberitahu kemudian berdasarkan penyertaan yang diterima.

8. MASA PERMAINAN

Masa bermain ialah tujuh (7) minit sebelah bagi lelaki dan wanita. masa penuh ialah empat belas (14) minit.

9. MATA / KEPUTUSAN PERLAWANAN

9.1 Sistem Liga.

9.1.1 Mata akan diberi berdasarkan ;

- Menang - 3 Mata
- Seri - 1 Mata
- Kalah - 0 Mata
- Menang Percuma - 3 Mata (Jaringan 3-0)

9.1.2 Pasukan yang mendapat jumlah mata terbanyak akan menjadi johan bagi setiap kumpulan.

9.1.3 Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, perbezaan

- jaringan gol dalam keseluruhan perlawanan akan dikira.
- 9.1.4 Jika jumlah jaringan gol keseluruhan perlawanan juga seri, pasukan yang mendapat bilangan bolos terendah dikira pemenang.
- 9.1.5 Jika masih seri, mana-mana pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.
- 9.1.6 Sekiranya kaedah diatas gagal menentukan kedudukan, maka satu kaedah lambungan syiling akan dibuat bagi menentukan pemenang jika perlu dan mendapat persetujuan kedua pasukan bagi kaedah seterusnya.

9.2 **Sistem Kalah Mati.**

- 9.2.1 Sekiranya masa permainan biasa telah tamat dengan keputusan seri, maka masa tambahan akan diberi.
- 9.2.2 Jika masih berkesudahan seri selepas masa tambahan, maka tendangan penalti dari tanda penalti mengikut peruntukan akan dilaksanakan.

10. **BILANGAN PEMAIN MINIMA**

- 10.1 Bilangan pemain minima setiap kategori adalah 4 orang di dalam padang termasuk seorang masing-masing pemain dari kategori Pegawai Gred 41 ke atas dan veteran. Sekiranya kurang dari 4 orang sepasukan, maka perlawanan tidak boleh diteruskan dan pasukan berkenaan dikira kalah dengan jaringan (3-0).
- 10.2 Setiap pasukan diwajibkan menurunkan pemain masing-masing dalam kategori Pegawai Gred 41 ke atas dan veteran sepanjang permainan. Pemain pegawai Gred 41 ke atas dan veteran mestilah digantikan dengan pemain Pegawai Gred 41 ke atas dan veteran juga sekiranya berlakunya pertukaran pemain.

11. **PENGGANTIAN PEMAIN**

Penggantian pemain boleh dilakukan bila-bila masa dan tiada had pertukaran dikenakan. Pertukaran hendaklah dilakukan melalui tempat yang disediakan.

12. **BANTAHAN**

Sekiranya sesebuah pasukan tidak berpuas hati terhadap keputusan perlawanan, maka pasukan tersebut boleh membuat bantahan serta-merta dengan menghantar surat menyatakan bantahan serta bukti-bukti sekali beserta wang cagaran berjumlah RM500.00. Wang tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan diterima atau ditolak. Semua keputusan pihak penganjur selepas bermesyuarat adalah **MUKTAMAD**.

13. **DISIPLIN PASUKAN / PENANGGUHAN PERLAWANAN**

- 13.1 Setiap Pengurus Pasukan dan Jurulatih adalah bertanggungjawab menjaga disiplin para pemain. Sekiranya terdapat sebarang salah laku atau pelanggaran disiplin yang menyebabkan gangguan kelancaran perlawanan, tindakan akan dikenakan kepada pasukan tersebut berpandukan kepada Laporan Pegawai Perlawanan dan Pengadil Perlawanan. Kebersihan padang permainan juga mesti dijaga.
- 13.2 Perlawanan yang dihentikan oleh pengadil atas sebab pergaduhan atau campurtangan penonton, maka kedudukan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penganjur Pertandingan.
- 13.3 Sebarang permohonan penangguhan atau pertukaran jadual perlawanan dari mana-mana pasukan tidak akan dibenarkan.

14. **UNDANG-UNDANG PERMAIAN**

Undang-undang permainan adalah mengikut Undang-undang Permainan Futsal dari Persatuan Bola sepak Malaysia yang ditentukan oleh Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan diubahsuai mengikut kesesuaian pertandingan yang diadakan.

15. **JADUAL PERLAWANAN**

Jawatankuasa Penganjur akan mengeluarkan jadual perlawanan. Mana-mana pasukan tidak dibenarkan meminda jadual perlawanan. Pasukan yang lewat lima (5) minit dari masa sebenar perlawanan akan dianggap kalah dan pasukan lawan akan diberi kemenangan secara automatik dengan jaringan 3-0 dan 3 mata.

16. **JERSI / PAKAIAN**

16.1 Setiap pasukan diwajibkan menyediakan satu (1) set Jersi bernombor. Walau bagaimanapun, pihak penganjur akan menyediakan "Beep" untuk pasukan yang memakai jersi dengan warna yang sama semasa perlawanan diadakan.

16.2 Setiap pemain WAJIB memakai Jersi/baju yang sama warna (seragam) dan bernombor, seluar yang sesuai, sarung kaki, kasut sukan yang sesuai dan memakai "shin guard".

17. **PASUKAN JEMPUTAN**

Pihak penganjur berhak menjemput mana-mana pasukan selain daripada jabatan- jabatan dan agensi persekutuan untuk menyertai pertandingan ini.

18. **MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

Mesyuarat pengurus pasukan akan diadakan pada ketetapan berikut;

Tarikh : 7 Disember 2011 (Rabu)
Jam : 2.30 petang
Tempat : Bilik Gerakan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak,
Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, Kuching.

19. **HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN**

Segala hal dan perkara yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.

20. **PERTANYAAN**

Sebarang kemusykilan dan pertanyaan mengenai pertandingan ini bolehlah diajukan kepada Jawatankuasa Pertandingan atau Urusetia Pertandingan iaitu;

(i) **ENCIK MOHAMAD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH**

Setiausaha Bahagian,
SPA Malaysia Cawangan Sarawak
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93520 Kuching.
Tel : 082-240 011 / 242 360
Faks: 082-246 565
H/P: 013-810 4940

(ii) **ENCIK RAZAMI BIN MOHD JAMALI**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Tun Abang Haji Openg
93590 Kuching
Sarawak.
Tel : 082-256566
Faks : 082-424959
H/P : 019-888 6046

(iii) **ENCIK AZRUL IDLAN BIN ADAM**

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
Tingkat 17 Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93300 Kuching.
Tel: 082- 417733
Faks : 082-419452
H/P : 019-344 0003

(iv) **ENCIK MOHAMAD AMANIZAM BIN ASIM**

SPA Malaysia Cawangan Sarawak
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93520 Kuching.
Tel : 082-240 011 / 242 360
Faks : 082-246 565
H/P : 019-868 1010

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN FUTSAL (LELAKI) PIALA SUPS JABATAN-JABATAN DAN AGENSI
PERSEKUTUAN NEGERI SARAWAK**

NAMA PASUKAN / JABATAN :

ALAMAT JABATAN :

.....

.....

NO.TEL PEJABAT : NO.FAKS:.....

BIL	NAMA PEMAIN	JAWATAN/GRED	NO. K/P
1.		PENGURUS	
2.		JURULATIH	
PEMAIN			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			

TANDATANGAN :

PENGURUS PASUKAN :

NO. H/P :

TARIKH :

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA PERTANDINGAN :

TARIKH DITERIMA :

PENGESAHAN URUSETIA :

**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN FUTSAL (WANITA) PIALA SUPS JABATAN-JABATAN DAN AGENSI
PERSEKUTUAN NEGERI SARAWAK**

NAMA PASUKAN / JABATAN :

ALAMAT JABATAN :

.....

.....

NO.TEL PEJABAT : NO.FAKS:.....

BIL	NAMA PEMAIN	JAWATAN/GRED	NO. K/P
1.		PENGURUS	
2.		JURULATIH	
PEMAIN			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			

TANDATANGAN :

PENGURUS PASUKAN :

NO. H/P :

TARIKH :

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA PERTANDINGAN :

TARIKH DITERIMA :

PENGESAHAN URUSETIA :